

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL
RAHMAN [MUAR]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan komitmen tentang Kerja Baik Pulih Jeti Sungai Sarang Buaya, Parit Yusof yang telah pun diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia pada bulan Disember 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah menyiapkan kerja-kerja menaiktaraf Jeti Sarang Buaya, Muar, Johor dan kerja-kerja berkaitan bagi kegunaan nelayan-nelayan dan pengusaha-pengusaha perikanan setempat.
2. Projek ini telah dibiayai di bawah Projek Rancangan Malaysia Ke-11 yang mana ianya telah bermula pada 12 Ogos 2020 dengan kos projek sebanyak RM90,831.00 bagi kerja-kerja menaiktaraf jeti kayu kepada jeti konkrit. Kerja-kerja menaiktaraf jeti ini telahpun siap sepenuhnya mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu pada 31 Oktober 2020.
3. Penaikan taraf Jeti Sarang Buaya ini akan merancakkan aktiviti pendaratan ikan oleh nelayan setempat secara keseluruhannya. Selain daripada jeti ini, terdapat sembilan (9) buah jeti LKIM lain di sekitar kawasan Muar yang memberi manfaat kepada 389 buah vessel dan 943 orang nelayan.

Sekian, terima kasih.